

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 24/06/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 13
Tajuk : RM400,000 setahun bangunkan Petanque



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) bersama peserta Kejohanan Petanque Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bentong, Pahang, semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

RM400,000 setahun bangunkan Petanque

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
pengarang@utusan.com.my

■ BENTONG 23 JUN

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperuntukan sebanyak RM400,000 pada tahun ini bagi memperkasakan Sukan Petanque termasuklah menganjurkan Kejohanan Petanque Angkasa Kebangsaan kali ke-32 pada tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sukan Petanque yang menjadi sukan rasmi Angkasa itu sedang giat berlangsung di setiap negeri pada masa ini melibatkan 10,000 atlet daripada 3,000 pasukan.

"Kejohanan yang bermula di peringkat negeri bermula Mac

hingga Julai ini ialah bagi memilih johan setiap kategori untuk berentap di peringkat Kebangsaan.

"Johan pada setiap kategori akan mewakili negeri masing-masing ke peringkat Kebangsaan di Kedah pada hujung Ogos ini," katanya selepas merasmikan Kejohanan Petanque Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Gelanggang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bentong, di sini, hari ini.

Dalam pertandingan Petanque Angkasa Zon 3 itu, Koperasi Felda Mempaga 3 Berhad muncul juara kategori Dewasa Lelaki dan Koperasi Kesuma Lipis Berhad juara Dewasa Perempuan.

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bentong Berhad muncul juara dalam kedua-dua kategori Koperasi Sekolah Lelaki dan Koperasi Se-

kolah Perempuan.

Menurutnya, kejohanan Petanque Angkasa Kebangsaan tahun ini akan diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh, Kedah pada 23 hingga 25 Ogos ini yang akan dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan terus memperkasakan lagi sukan Petanque yang dipopularkan oleh Presiden Angkasa pertama iaitu, Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid sejak 32 tahun lalu.

"Permainan petanque adalah sukan rasmi Angkasa kerana sukan ini menepati ciri-ciri koperasi yang boleh disertai semua golongan dan membentuk semangat kerjasama berpasukan,"ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA